

28/12/2001

Industri ikan hiasan kian dapat sambutan

Shaidah Shafie

IKAN koi dan ikan emas berwarna merah, oren, hitam serta kuning bercampur putih tidak dinafikan sentiasa menjadi perhiasan dalam akuarium. Itu belum dikira jenis ping pong, dragon dan black molly. Selain ikan dari keluarga cyprinid dan karp itu, ikan dari keluarga chichlid juga antara spesies yang tinggi permintaannya.

Seawal tahun 80-an, mungkin tidak ramai yang berminat untuk memelihara pelaga (Betta Splenden) atau sepat. Betuk (puyu) pun mendapat tempat sekadar dijadikan pendinding rumah daripada ancaman penyamun atau kejadian pukau.

Tetapi kini khabarnya spesies yang dicop spesies kampung ini sudah bernilai. Bukan setakat menjadi ikan akuarium tetapi turut dikomersialkan sebagai hidangan istimewa di hotel bertaraf lima bintang seperti ikan patin, siakap, tilapia dan jelawat. Malah, pertandingan ikan pelaga di Pulau Pinang baru-baru ini mendapat sambutan hangat daripada peminat spesies berkenaan.

Terdapat hampir 250 spesies ikan yang dikategorikan di bawah pengelasan ikan perhiasan dan dieksport ke luar negara.

Ia termasuklah arowana (*Scleropagus formosus*) yang dianggap ikan mahal dan nombor satu di pasaran kerana ia diletakkan di bawah label spesies yang mengalami kepupusan. Terkini, spesies kelah (*tor tambroides*) pula dikatakan mula mengambil tempat di kalangan peminat ikan hiasan.

Sehubungan dengan itu, industri ikan hiasan meledak seperti satu fenomena positif di kalangan masyarakat.

Kunjungilah di mana sahaja kedai akuarium di lembah Klang, spesies ikan hiasan yang disebutkan tadi sentiasa mendapat sambutan hangat.

Menurut laporan Jabatan Perikanan, ikan hiasan adalah antara komoditi akuakultur yang memberi sumbangan besar kepada pendapatan eksport barangan perikanan.

Ikan hiasan mempunyai potensi besar untuk dibangunkan dan memberi sumbangan penting kepada pendapatan eksport negara.

Di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3), Jabatan Perikanan menjangkakan industri ini dapat menghasilkan sejumlah 800 juta ikan hiasan bernilai RM150 juta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika pembentangan belanjawan ada menyebut mengenai penggiatan semula sektor pertanian termasuklah ikan hiasan bagi meningkatkan sumbangan kepada pertumbuhan serta pewujudan kekayaan hasil negara.

Menurut perangkaan 1999 yang dikeluarkan oleh Pelan Tindakan Pembangunan Industri Ikan Hiasan, Jabatan Perikanan, nilai jumlah hasil ekport ikan hiasan pada berkenaan ialah RM80,228,754 di mana negeri yang paling tinggi dan produktif ialah Johor iaitu sebanyak 60 peratus.

Sementara itu, laluan utama pintu keluar ikan hiasan ini ialah Johor Bahru, Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang, Bukit Kayu Hitam, Kuching dan Kota Kinabalu. Nilai eksport melalui Johor mencatat RM13,997,480 bagi tahun 1999.

Setiap pengusaha ternakan ini mendapat permit khas yang dikeluarkan oleh sebuah badan khas iaitu Convention of International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES) yang beribu pejabat di Switzerland melalui Jabatan Perikanan.

CITES adalah badan khas yang mengawal perdagangan tumbuhan dan hidupan lindungan di dunia dan berfungsi di seluruh dunia dalam hal kawal selia

berkenaan spesies yang mengalami kepupusan.

Menurut Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, Datuk Hashim Ahmad, setiap ikan yang disenaraikan di bawah CITES akan diletakkan cip pengesan sebagai langkah melindungi dan mengawal perdagangan spesies yang semakin pupus.

Hashim berkata, pada masa ini hanya dua spesies ikan tempatan iaitu arowana dan temoleh disenaraikan di bawah jadual CITES.

"Jabatan juga telah mengadakan peraturan untuk mengawal kegiatan eksport ikan arowana di mana setiap ladang yang hendak mengekport ikan berkenaan perlu memenuhi syarat yang telah ditetapkan dan menjalani proses pemeriksaan sebelum mendapat permit CITE.

"Perdagangan ikan ini juga dibenarkan bagi ikan yang dibiakkan dalam kurungan dan bukannya dari sumber liar. Sehingga kini terdapat lima buah syarikat yang telah mendapat permit CITES dan kini sedang menjalankan aktiviti ternakan dan eksport.

"Setiap ikan yang dibiakkan dalam ladang perlu ditanda dengan memasukkan cip pengesan ke dalam badan ikan. Pemeriksaan dilakukan di lapangan terbang setiap konsigmen eksport dengan menggunakan alat pengesan untuk menyemak nombor daftar ikan dan untuk memastikan ikan generasi kedua (F2) sahaja yang diurusniagikan," katanya.

Hashim berkata pada 1999 sebanyak 13,219 ekor arowana bernilai RM6 juta dieksporth ke luar negara. Secara keseluruhannya pada tahun yang sama sebanyak 222 juta ekor ikan hiasan bernilai RM42 juta dieksporth dari negara ini.

"Jabatan telah mengadakan program penyelidikan untuk membangunkan teknologi pembenihan dan ternakan ikan air tawar tempatan seperti arowana, kelah, temoleh, sebarau, tenggalan dan jelawat.

"Pada masa ini Pusat Penyelidikan Perikanan Air Tawar Batu Berendam, Melaka telah berjaya membiakkan ikan arowana dan beberapa spesies lain," katanya.

Bagaimanapun, menurut hasil eksport ikan itu hanya menyumbang kira-kira 20 peratus hasil negara manakala selebihnya (80 peratus) komoditi dalam industri ini ialah aksesori yang berkaitan dengan ikan hiasan itu sendiri iaitu seperti akuarium, kayu kering, tiub getah, rumpai air, batu dan beberapa pelengkap akuarium lain.

(END)